

29 OCT 2000

Mahathir-Asia

SEJARAH AKAN ADILI DR MAHATHIR DENGAN LEBIH BAIK, KATA PENERUS  
ASIA

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 29 Okt (Bernama) -- Sebelum beliau berucap pada jamuan Persatuan Asia di sini malam tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diberitahu oleh penerus pusat pertubuhan Hong Kong itu

bahawa beliau mempunyai berita baik dan buruk untuk Dr Mahathir.

"Mula-mula berita buruk, yang tidak baiknya ialah orang masih menulis perkara yang tidak baik mengenai anda dan saya jangka ia akan berterusan tetapi ia tidak mengapa kerana sejarah tidak ditulis dalam masa tiga hingga lima tahun.

"Berita baik pula, pada pendapat saya, ialah bahawa apabila orang mula menoleh ke belakang melihat pengalaman lalu dan juga membenarkan ekonomi dunia berputar dalam satu pusingan, ekonomi, sosial dan kewangan, maka saya yakin, Dr Mahathir, sejarah akan melayani anda dengan lebih baik daripada apa yang anda alami hari ini," kata Ronnie Chan sebelum menjemput beliau untuk memberi ucapan.

Chan berkata Dr Mahathir merupakan "antara orang yang paling disalah anggap didunia".

Katanya beliau telah dimaklumkan bahawa Dr Mahathir anti globalisasi tetapi mendapati ia tidak benar dan memetik ucapan Dr Mahathir di Universiti Kaherah di Mesir bahawa Malaysia akan dipandu mengikut keadaan dan keutamaan sendiri dalam proses globalisasi.

"Kami semua tahu bahawa Malaysia telah mengambil jalan berbeza daripada kebanyakan negara lain. Saya rasa sejarah akan menunjukkan Malaysia berkembang maju di bawah pimpinan Perdana Menteri Dr Mahathir.

"Kebanyakan daripada kita akan bersetuju dengan saya, dasar IMF adalah baik untuk jangka masa panjang tetapi dalam jangka masa pendek, jika anda tidak tahu keadaan tempatan, terutama krisis modal, ia boleh jadi bahaya.

Dan syukur kepada Tuhan kerana ada seorang pemimpin di Asia Timur

yang  
berani untuk bangun dan berkata saya boleh buat apa yang baik untuk  
negara  
saya," kata Chan.

Malaysia berhadapan dengan kritikan antarabangsa kerana  
menggunakan  
kawalan modal untuk menstabilkan kedudukan kewangannya semasa krisis  
Asia  
dan tidak meminta pertolongan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa  
(IMF).

Ekonomi Malaysia kini kembali ke landasannya dan dijangka akan  
tumbuh  
di sekitar 7.5 peratus tahun ini.

Dr Mahathir dijemput tahun lepas oleh Persatuan Asia atau Asia  
Society  
untuk berucap di Amerika Syarikat mengenai penggunaan kawalan modal  
bagi  
menstabilkan kewangan.

Profile tinggi persatuan itu yang berpangkalan di New York, dan  
mempunyai pusat di sini, bermatlamat untuk mengukuhkan persefahaman  
bagi  
Asia dan komunikasi antara penduduk Amerika dan penduduk Asia dan  
Pasifik.

Pada sesi soal jawab pada jamuan itu, Dr Mahathir ditanya  
mengenai  
pelbagai perkara termasuk sama ada beliau bimbang digulingkan dan  
kekecewaan generasi muda Asia terhadap kronisme dan rasuah.

Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan patut berubah tetapi hanya  
melalui proses pengundian dan bukan dengan menghasut orang ramai  
untuk  
berdemonstrasi di jalanan bagi memaksa perubahan.

"Saya tidak bimbang digulingkan. Jika ada sesiapa mahu  
menjatuhkan  
saya, ia mesti disokong oleh rakyat, paling penting majoriti  
rakyat,"  
katanya.

Mengenai kekecewaan yang dirasakan oleh golongan muda, beliau  
berkata:  
"Mereka agak terlalu lurus. Semasa anda muda, anda mempunyai  
pemikiran  
idealistik bahawa anda patut membetulkan cara orang tua. Mereka akan  
berubah."

Dr Mahathir berkata apabila mereka menjadi kerajaan, mereka akan  
mendapati bahawa mereka akan lakukan perkara yang sama dan akan  
dikritik  
oleh rakyat.

"Perubahan kerajaan tidak mengubah apa-apa, hanya orang yang  
bertukar.  
Cara melakukan kerja akan tetap sama," katanya.

Ditanya apakah perbezaan antara penyangak matawang daripada  
aktiviti  
bank pusat Malaysia, Bank Negara dalam pasaran sebelum ini, Dr

Mahathir

berkata Bank Negara memperdagangkan matawang negara-negara membangun berasaskan pada ramalan bahawa sesetengah matawang akan turun nilai dan naik.

Ini berbeza daripada penyangak, dengan jumlah dana yang besar untuk digunakan, menyerang matawang negara-negara miskin yang tidak tidak mampu untuk mempertahankan diri.

"Padang permainan adalah sama tetapi saiz para pemain tidak sama. Kita hanya mengetahuinya apabila LTCM menghadapi masalah, mereka mempunyai AS\$1 trilion untuk digunakan. Malaysia masih belum pernah melihat satu trilion dollar," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

TCL LAT RON